

Ruj. Kami : MQA .100-1/7/1 (6)
Tarikh : // Mac 2015

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 1/2015 – PINDAAN TERHADAP STANDARD: IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta Pekeliling MQA Bil. 1/2013 Penggunaan Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran rujukan MQA 07/Jld.3 (84) bertarikh 4 Mac 2013 dan Surat Pekeliling MQA Bil.1/2013 – Pindaan Terhadap Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Syarat Kelayakan Masuk Program Ijazah Sarjana) rujukan MQA 07/01 Jld.2 (24) bertarikh 19 Disember 2013.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Cadangan Pindaan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis MQA dengan keputusan seperti berikut:

A. Ijazah kedoktoran (Tahap 8, MQF) secara penyelidikan

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun, manakala bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 4 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah pemberi pendidikan tinggi (PPT) boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.
- iii. Pemeriksa luar yang dilantik perlulah dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibuat bagi menjamin kualiti penyelidikan tersebut.
- iv. Bagi pelajar yang memilih untuk membuat penyelidikan dalam bidang-bidang yang kritikal dan spesifik, PPT boleh melantik *co-supervisor* dari PPT yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut untuk menyelia.

- v. Nota:
- a. Tiada kemasukan terus daripada tahap ijazah sarjana muda ke tahap ijazah kedoktoran.
 - b. Calon berkelayakan tahap ijazah sarjana muda yang mendaftar untuk program tahap ijazah sarjana, boleh memohon untuk menukar pendaftaran pengajian ke program ijazah kedoktoran dalam tempoh 1 tahun selepas mendaftar program ijazah sarjana, tertakluk kepada ketetapan berikut:
 - (i) telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap ijazah kedoktoran
 - (ii) penilaian dalaman yang rapi oleh PPT
 - (iii) mendapat kelulusan daripada Senat PPT.

B. Ijazah kedoktoran (Tahap 8, MQF) secara kerja kursus

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun, manakala bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 4 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah PPT boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.

C. Ijazah kedoktoran (Tahap 8, MQF) secara mod campuran

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun, manakala bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 4 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah PPT boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.
- iii. Pemeriksa luar yang dilantik perlulah dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibuat bagi menjamin kualiti penyelidikan tersebut.
- iv. Bagi pelajar yang memilih untuk membuat penyelidikan dalam bidang-bidang yang kritikal dan spesifik, PPT boleh melantik *co-supervisor* dari PPT yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut untuk menyelia.

D. Ijazah sarjana (Tahap 7, MQF) secara penyelidikan

- i. Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 2 tahun, dan bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 3 tahun.
- ii. Walau bagaimanapun, Senat sesebuah PPT boleh memberi pengecualian bagi pelajar yang cemerlang yang dapat menamatkan pengajian dalam masa yang lebih singkat.

- iii. Pemeriksa luar yang dilantik perlulah dalam bidang yang berkaitan dengan penyelidikan yang dibuat bagi menjamin kualiti penyelidikan tersebut.
- iv. Bagi pelajar yang memilih untuk membuat penyelidikan dalam bidang-bidang yang kritikal dan spesifik, PPT boleh melantik *co-supervisor* dari PPT yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut untuk menyelia.

E. Ijazah sarjana (Tahap 7, MQF) secara kerja kursus

Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 1 tahun, dan bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 2 tahun.

F. Ijazah sarjana (Tahap 7, MQF) secara mod campuran


Bagi pengajian sepenuh masa, tempoh lazim ialah 1 tahun, dan bagi pengajian separuh masa, tempoh lazim ialah 2 tahun.

3. Selaras dengan keputusan seperti di perkara 2, surat pekeliling ini dibaca bersekali dengan Pekeliling MQA Bil.1/2013 dan Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2013. Dimaklumkan juga, pelaksanaan dan pematuhan terhadap pindaan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran ini akan **berkuatkuasa bagi kohort pelajar baru yang diterima mulai 01 Julai 2015.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7956 9162 / 7968 7044

No. Faks : 03-7954 7125

Emel : mrujhan@mqa.gov.my

s.k.:

1. Y.A.B. Menteri Pendidikan Malaysia
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 10, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

2. YB. Menteri Pendidikan Malaysia II
Pejabat Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 18, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Setiausaha II
Pejabat Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

5. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

6. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P PUTRAJAYA

7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P PUTRAJAYA